

18 JAN 1997

Anwar-Telekom

ANWAR ARAH TELEKOM DAN KEMENTERIAN KEWANGAN SEGERA SIAP SIASATAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata siasatan terhadap dakwaan berlaku penyelewengan dalam pemberian kontrak Telekom Malaysia Berhad kepada syarikat Ericsson Telecommunications telah diklasifikasikan sebagai "perkara penting".

Anwar berkata Telekom Malaysia dan Bahagian Kontrak di Kementerian Kewangan telah diminta menyiapkan segera siasatan berhubung dakwaan itu dan mengemukakan laporan secepat mungkin.

"Saya sudah minta disegerakan. Tak payah mengambil terlalu banyak waktu kerana semua rekod masih ada. Saya sudah anggap ini perkara penting," katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah Menara Korporat American International Assurance (AIA) di Jalan Ampang, di sini.

Rabu lepas, Anwar berkata kerajaan mengarahkan supaya siasatan dibuat terhadap dakwaan penyelewengan dalam pemberian kontrak oleh Telekom Malaysia kepada syarikat multi-nasional dari Sweden itu untuk bekalan peralatan telekomunikasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya pemberita di California Amerika Syarikat pada Khamis berkata Anwar telah memberitahu beliau mengenai perkara itu. Katanya ia perlu disiasat.

Ketika ditanya sama ada laporan yang beliau terima mengandungi apa-apa dakwaan terhadap mana-mana menteri kabinet atau pegawai kanan Telekom Malaysia, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata: "Ada yang dikaitkan tetapi tiada tuduhan yang khusus. Saya belum lihat laporan terperinci."

Mengenai sama ada laporan awal itu mewajarkan siasatan lanjut dijalankan, beliau berkata: "Kita perlu telus. Jika terdapat apa-apa laporan kita mesti siasat."

"Saya tidak fikir kita perlu bimbang tetapi kita mesti positif dan menyiasatnya secara serius," katanya.

Katanya siasatan yang sedang dijalankan harus menjadi pengajaran kepada semua pihak supaya tidak meremehkan soal tender kerana jika berlaku penyelewengan, kerajaan tetap akan menjalankan siasatan walaupun ia sudah berlalu selama beberapa tahun.

"Ini kes yang melibatkan empat lima tahun yang lalu. Jadi terpaksa disemak balik prosedur sama ada dipatuhi prosedur atau tidak. Saya juga telah meminta Bahagian Kontrak kementerian untuk membuat satu penyiasatan dan lihat fakta-fakta yang berkaitan," katanya.

Anwar berkata mengikut prosedur semua tender hendaklah diputuskan Lembaga Tender terlebih dahulu sebelum kelulusan muktamad dibuat oleh Kementerian Kewangan.

"Jadi siasatan akan meliputi soal sama ada segala prosedur telah dipatuhi. Sama ada berlaku penyelewengan di mana-mana peringkat, baik di peringkat Telekom Malaysia mahupun Kementerian Kewangan, dan sama ada Kementerian Kewangan telah benar-benar dirujuk dalam proses pemberian kontrak itu," katanya ketika ditanya bentuk penyelewengan yang didakwa.

Katanya terlalu awal bagi beliau untuk menyatakan sama ada kesemua peraturan tender itu telah dipatuhi dan sukar juga baginya untuk memastikan semua prosedur telah dilaksanakan sebelum dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.

"Ia sebenarnya melibatkan Jawatankuasa Tender syarikat berkenaan, Jawatankuasa Teknikal dan Kementerian Kewangan. Kemudian ada hadnya, ada yang dirujuk kepada Kementerian Kewangan, tidak semuanya begitu," katanya.

Beliau meminta supaya semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi mengenai kontrak mana dan bentuk penyelewengan yang berlaku kerana penyiasaan sedang dijalankan.

Ditanya mengenai kenyataan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu bahawa semua tender untuk badan-badan yang diswastakan dirujuk terus kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan, Anwar berkata tidak semua yang perlu dirujuk kepada Menteri Kewangan.

"Sebab itu kita kena siasat. Saya ingat Datuk Samy Vellu terlalu cepat buat keputusan," katanya.

"Kalau prosedur itu dipatuhi dan ditetapkan dengan benar, saya tidak berasa apa-apa kebimbangan tetapi saya tidak dapat pastikan dalam semua keadaan, kita kena semak dahulu.

Samy Vellu yang ditanya mengenai dakwaan itu malam tadi, menyatakan beliau tidak terlibat dan tidak tahu mengenai dakwaan itu yang dikatakan berlaku semasa beliau menjadi Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Ketika ditanya sama ada terdapat tawaran dari mana-mana pihak untuk mengambil-alih Telekom, Anwar berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu. -- BERNAMA

AH/AZZ RON